

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI  
ZAKARIA [ PARIT ]**

**TARIKH : 07 OKTOBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-

- (a) berapa jumlah peluang pekerjaan yang telah diwujudkan oleh Kerajaan kepada golongan muda sehingga suku tahun ketiga 2019; dan
- (b) berapa sasaran realistik peluang pekerjaan baru yang akan diwujudkan kepada golongan muda oleh Kementerian menjelang tahun 2020.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan statistik daripada Portal pekerjaan *JobsMalaysia* sehingga Ogos 2019, kekosongan pekerjaan yang didaftarkan oleh majikan-majikan bagi kategori siswazah adalah sebanyak 50,326 jawatan manakala sebanyak 642,979 kekosongan jawatan adalah untuk kategori bukan siswazah. Pengiklanan oleh lebih 20,000 majikan aktif yang menawarkan pelbagai jawatan di semua kategori pekerjaan sektor awam dan swasta.
2. Portal *JobsMalaysia* (JMC) di bawah kementerian ini merupakan portal rasmi pasaran pekerja untuk pencarian dan penawaran pekerjaan melalui sistem padanan kerja yang lebih mudah dan sistematik dengan memastikan setiap pencari kerja berpeluang mendapatkan pekerjaan dan majikan pula berpeluang untuk mendapatkan calon yang sesuai. Melalui proses padanan ini, pencari kerja akan menikmati kemudahan secara interaktif dan memaparkan pilihan jawatan yang ditawarkan oleh majikan secara sistem *web based*.
3. Pusat *JobsMalaysia* di seluruh negara menawarkan pelbagai informasi kekosongan pekerjaan dan perkhidmatan khidmat nasihat pekerjaan kepada pencari kerja dan majikan secara percuma dan kemudahan menjalankan temuduga terbuka. Pencari kerja pula berpeluang untuk menyertai karnival pekerjaan di seluruh negara termasuk program-program temuduga terbuka yang diadakan di semua *Urban Transformation Center (UTC)* dan JMC di seluruh negara sepanjang tahun.
4. Kementerian melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) telah melaksanakan pelbagai program untuk membantu para pencari kerja yang terdiri pencari kerja merupakan kumpulan berpendidikan yang tamat dari alam persekolahan dan juga kumpulan yang mencari

## **SOALAN NO : 23**

peluang kerjaya yang lebih baik mencari padanan pekerjaan yang sesuai memenuhi aspirasi kerjaya dan jangkaan pendapatan mereka. Tempoh pencarian pekerjaan bergantung kepada faktor, antaranya kepesatan pertumbuhan ekonomi, peningkatan pelaburan dalam dan luar negara di mana wujudnya peluang-peluang pekerjaan di pelbagai sektor ekonomi yang boleh dimanfaatkan oleh pencari kerja.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Menurut Laporan Rancangan Malaysia Ke-11, kajian separuh penggal, unjuran pewujudan keseluruhan peluang pekerjaan bagi 5 sektor ekonomi utama negara pada tahun 2020 adalah dianggarkan sebanyak 1,510,600. Lazimnya unjuran pewujudan peluang pekerjaan tidak dijalankan secara spesifik dengan memfokuskan kepada suatu kelompok masyarakat tertentu sahaja seperti golongan orang muda tetapi sebaliknya akan melibatkan setiap golongan dalam masyarakat

6. Sektor perkhidmatan merupakan sektor yang mengalami unjuran pewujudan peluang pekerjaan terbesar iaitu kira-kira 1,156,100 atau 76.5% daripada jumlah keseluruhan tersebut. Sektor pembuatan pula merekodkan pewujudan peluang pekerjaan sebanyak 318,600 atau 21.0% pada tahun 2020. Seterusnya pewujudan peluang pekerjaan bagi sektor pembinaan pada 2020 dianggarkan sebanyak 40,100 atau 2.7% daripada jumlah keseluruhan unjuran peluang pekerjaan. Sektor perlombongan dan pengangkutan pula merekodkan unjuran pewujudan peluang pekerjaan yang terendah pada 2020 iaitu sebanyak 1,000 atau 0.1% sahaja.

7. Walau bagaimanapun, sektor pertanian, perhutanan, ternakan dan perikanan dijangka mengalami kemerosotan sebanyak 5,200 atau -0.3% dalam pewujudan peluang pekerjaan pada tahun 2020.